

Genting Malaysia Berhad dan AGIBOT Memeterai Kerjasama Strategik bagi Memacu Pembangunan Robotik AI Fizikal dalam Sektor Hospitaliti dan Hiburan

Genting Highlands, Malaysia, 17 April 2026 – Genting Malaysia Berhad (GENM), sebuah syarikat multinasional berpangkalan di Malaysia dan peneraju dalam industri hospitaliti dan hiburan, telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan AGIBOT Innovation (Shanghai) Technology Co. Ltd (AGIBOT), menandakan satu langkah signifikan ke arah memperkasa pembangunan robotik kecerdasan buatan (AI) fizikal dalam sektor hospitaliti dan hiburan.

MoU tersebut dimeterai hari ini bersempena Persidangan Rakan AGIBOT (APC2026) di Shanghai, China, yang menghimpunkan para pemimpin global bagi meneroka masa depan robotik serta ekosistem dipacu kecerdasan buatan (AI). GENM diwakili oleh Aaron Chia Khong Chid, Ketua Pegawai Operasi Resorts World Genting, dan disaksikan oleh Tan Sri Lim Kok Thay, Timbalan Pengerusi merangkap Ketua Pegawai Eksekutif GENM; Dato' Indera Lim Keong Hui, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif GENM; serta Lee Thiam Kit, Presiden GENM.

AGIBOT pula diwakili oleh Steven Ding, Pengarah AGIBOT Malaysia, dan disaksikan oleh Abel Deng, Presiden Rantau Asia Pasifik dan Timur Tengah, Daniel Jiang, Rakan Kongsi AGIBOT merangkap Presiden Bersama, serta Deng Taihua, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif AGIBOT.

Kerjasama antara GENM dan AGIBOT ini bertujuan membangunkan satu rangka kerja kolaboratif bagi meneroka, membangun serta merealisasikan nilai komersial penyelesaian robotik inovatif yang disesuaikan dengan aplikasi dunia sebenar. Dengan memanfaatkan kepakaran AGIBOT dalam robotik fizikal serta pengalaman luas GENM dalam pengurusan operasi resort bersepadu, kerjasama ini dijangka dapat mempercepatkan penggunaan automasi pintar, di samping meningkatkan kecekapan operasi serta menambah baik pengalaman pengunjung secara menyeluruh.

Di bawah MoU ini, kedua-dua pihak akan memberi tumpuan kepada pembangunan penyelesaian robotik yang merangkumi tiga bidang utama, iaitu taman tema, sektor hospitaliti dan hiburan. Ini termasuk pembangunan robot humanoid bagi tujuan interaksi pengunjung, perkhidmatan khidmat pelanggan, serta integrasi teknologi robotik dalam persembahan pentas secara langsung dan tarikan imersif. Kerjasama ini turut melibatkan inisiatif penyelidikan dan pembangunan bersama, pelaksanaan projek perintis serta pembentukan ekosistem aplikasi berskala.

Bagi menyokong fasa pelaksanaan awal, GENM akan memperoleh dan melaksanakan robot fizikal daripada AGIBOT bagi menyokong program perintis serta integrasi operasi di seluruh premisnya.

Dalam persidangan tersebut, AGIBOT turut mengumumkan pelancaran Persembahan Gala Robotik pertama di Malaysia yang dijadualkan berlangsung di RWG. Persembahan ini dijangka dipentaskan pada awal tahun 2027 dan akan menampilkan robot AI berteknologi tinggi dalam format persembahan pentas secara langsung, sekali gus menawarkan pengalaman hiburan imersif yang pertama seumpamanya di negara ini.

“Inovasi sentiasa menjadi teras kepada pendekatan Genting Malaysia dalam membentuk masa depan hospitaliti dan hiburan. Seiring dengan jangkauan pengunjung yang semakin berkembang, kami sentiasa meneroka pendekatan baharu untuk menyampaikan pengalaman yang lebih imersif, lancar dan bermakna,” kata Aaron Chia Khong Chid, Ketua Pegawai Operasi RWG. “Kerjasama dengan AGIBOT ini membolehkan kami melangkah ke dalam dunia robotik fizikal secara bermakna, di mana teknologi dapat meningkatkan mutu perkhidmatan serta memperkaya naratif pengalaman dalam persekitaran resort bersepadu. Kami percaya inisiatif ini akan membuka peluang baharu dalam mentakrif semula interaksi pengunjung dengan ruang tersebut, sekali gus mengukuhkan kedudukan kami sebagai peneraju berpandangan jauh dalam industri pelancongan.”

“Ini merupakan satu pencapaian penting apabila AGIBOT melaksanakan penyelesaian robotik kecerdasan buatan fizikal ke dalam persekitaran resort bersepadu berskala besar dan dunia sebenar,” kata Abel Deng, Presiden Rantau Asia Pasifik dan Timur Tengah di AGIBOT. “Dengan menggabungkan teknologi robotik humanoid termaju AGIBOT serta kecemerlangan operasi dan visi kreatif GENM, kami berhasrat mentakrif semula penglibatan pengunjung serta standard perkhidmatan merentasi taman tema, hotel dan hiburan langsung. Persembahan Gala Robotik yang akan datang di RWG hanyalah permulaan. Bersama-sama, kami sedang membangunkan ekosistem berskala di mana robot humanoid meningkatkan pengalaman manusia secara lebih bermakna dan berimpak.”

Melalui inisiatif ini, GENM terus mengukuhkan kedudukannya di barisan hadapan inovasi dalam sektor hospitaliti dan hiburan serantau, seterusnya mempertingkatkan industri pelancongan Malaysia melalui penawaran resort bersepadu yang lebih inovatif dan berteraskan pengalaman. Pada masa yang sama, AGIBOT memperluaskan jejak globalnya dalam menyediakan penyelesaian robotik AI berteknologi maju.

Untuk maklumat lanjut mengenai perkembangan terkini di RWG, layari rwgenting.com atau ikuti platform media rasmi kami.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communications
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Mr. Jason Liu

Director – Middle East and Asia Pacific Marketing
AGIBOT Innovation (Shanghai) Technology Co.
Ltd (AGIBOT)
Email: Liupeng1@agibot.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat korporat percutian dan hospitaliti terkemuka di dunia. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan beberapa hartanah resort utama termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia; Resorts World New York City, Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley di Amerika Syarikat (AS); Resorts World Bimini di Bahamas; Resorts World Birmingham serta lebih daripada 30 kasino di United Kingdom (UK); dan Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia juga memiliki dan mengendalikan dua resort tepi pantai di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, RWG merupakan resort bersepadu bertaraf premier di kawasan tanah tinggi Malaysia. Resort ini menawarkan pelbagai kemudahan riadah dan hiburan termasuk 10,500 bilik penginapan merentasi tujuh hotel berbeza, aktiviti perjudian, taman tema dan tarikan hiburan, premis makanan dan peruncitan, serta pertunjukan antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Terletak di kawasan lereng bukit, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan persekitaran hijau semula jadi, padang golf pergunungan, denai pendakian, serta kedudukan berhampiran dengan tarikan utama lain. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usahasama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) turut melengkapkan kepelbagaian penawaran RWG, sekali gus mengukuhkan statusnya sebagai hab riadah dan hiburan terkemuka di rantau ini.

Genting Malaysia merupakan sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu konglomerat multinasional paling terkemuka dan diurus dengan baik di Asia. Kumpulan Genting diterajui oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan berwawasan yang telah berjaya membangunkan jenama Resorts World sebagai peneraju dalam sektor percutian dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas dan United Kingdom. Tan Sri Lim Kok Thay turut mempunyai pelaburan signifikan dalam pelbagai industri lain di peringkat global termasuk perladangan kelapa sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran serta bioteknologi.

Mengenai AGIBOT

AGIBOT komited untuk memacu inovasi melalui integrasi kecerdasan buatan (AI) dan robotik dengan matlamat membangunkan produk robot berfungsi umum bertaraf dunia serta ekosistem aplikasi yang menyeluruh. Berteraskan platform badan robotik dan diperkasakan melalui gabungan tiga keupayaan utama iaitu interaksi, manipulasi dan pergerakan “1 Badan Robotik, 3 Kecerdasan”, AGIBOT merupakan antara syarikat robotik terkemuka dalam industri yang menyediakan portfolio produk lengkap serta mampu digunakan merentasi semua senario aplikasi utama. Pada Mac 2026, AGIBOT mengumumkan pencapaian pengeluaran robot ke-10,000 sekali gus menandakan pencapaian penting dalam pengeluaran dan penggunaan berskala besar.